

KONSEP KEAMANAN GLOBAL MENURUT PERSPEKTIF MAQASID SYARIAH

Mohd Hatib Ismail

Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah

E-mel: mohdhatib@ums.edu.my

Ahmad Sunawari Long

Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam,

Universiti Kebangsaan Malaysia

E-mel: aslong@ukm.edu.my

Siti Rohani Jasni

Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah

E-mel: s_rohani@ums.edu.my

ABSTRAK

Keamanan global merupakan antara isu utama yang sering diperdebatkan dalam wacana kemanusiaan sejagat khususnya dalam era moden yang sarat dengan konflik, ketidakadilan dan krisis nilai. Dalam konteks kerangka Maqasid Syariah, Islam telah menawarkan satu pendekatan falsafah yang berasaskan prinsip kesejahteraan sejagat, keadilan dan pemeliharaan hak asasi manusia. Kajian ini bertujuan menghubungkan pemikiran kemanan global dengan prinsip-prinsip utama Maqasid Syariah. Kajian ini menggunakan pendekatan analisis dokumen terhadap sumber utama Islam dan penulisan ilmiah kontemporari berkaitan konsep keamanan dan Maqasid Syariah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa konsep keamanan global melalui kerangka Maqasid Syariah mengandungi nilai-nilai sejagat merentasi batas agama dan budaya serta berpotensi menjadi asas dalam membina dasar keamanan global yang adil dan sejahtera. Justeru, kajian diharap dapat menyumbang kepada pemerkasaan wacana ilmiah dalam membentuk kerangka keamanan berasaskan nilai-nilai Falsafah Islam yang universal.

Kata kunci: Keamanan global; Maqasid Syariah; Falsafah Islam

1. PENGENALAN

Isu keamanan global terus menjadi perbincangan utama dalam wacana kemanusiaan kontemporari, khususnya dalam era pasca moden yang dicirikan oleh konflik bersenjata, ketidakadilan sosial, pelanggaran hak asasi manusia dan krisis nilai sejagat. Pelbagai konflik seperti di Palestin, Syria, Ukraine, dan kawasan lain telah memperlihatkan kegagalan pendekatan unilateral serta kelemahan sistem antarabangsa dalam menjamin keamanan yang berkekalan. Keamanan tidak lagi hanya dilihat sebagai ketiadaan peperangan, tetapi merangkumi keselamatan manusia, keadilan sosial, dan pembangunan lestari.

Dalam konteks ini, Islam menawarkan suatu pendekatan alternatif melalui kerangka Maqasid Syariah, iaitu falsafah syariah yang menekankan kepada pemeliharaan lima aspek utama kehidupan: agama (din), nyawa (nafs), akal ('aql), keturunan (nasl), dan harta (mal). Pendekatan ini bukan sahaja relevan untuk masyarakat Islam, malah memiliki nilai sejagat yang boleh diaplikasikan dalam wacana keamanan global secara inklusif dan holistik.

Namun begitu, pendekatan Maqasid Syariah masih kurang diketengahkan dalam forum antarabangsa sebagai asas dalam membentuk dasar dan pendekatan keamanan. Oleh itu, artikel ini bertujuan untuk

menganalisis konsep keamanan global dari perspektif Maqasid Syariah serta menilai potensinya sebagai kerangka nilai universal yang boleh merentasi sempadan agama dan budaya.

2. METODE KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk analisis kandungan (content analysis) yang bertujuan untuk memahami serta menilai secara sistematik hubungan antara prinsip-prinsip Maqasid Syariah dan konsep keamanan global dalam konteks kontemporari.

2.1 Kaedah Pengumpulan Data

Pengumpulan data dijalankan melalui analisis dokumen terhadap pelbagai sumber yang relevan dan sahih berdasarkan kriteria berikut:

- Relevan dengan tema Maqasid Syariah dan keamanan global
- Diterbitkan dalam tempoh lima tahun terkini
- Berkualiti tinggi dan diiktiraf dalam komuniti akademik

2.2 Kaedah Analisis Data

Analisis data dilakukan menggunakan kaedah analisis kandungan (content analysis), iaitu pendekatan sistematik dan objektif untuk mengekstrak makna tersirat serta tema-tema utama daripada dokumen yang dianalisis. Dokumen yang berkaitan dianalisis untuk mengesan pernyataan, konsep atau wacana yang menyentuh aspek keamanan, nilai universal, maqasid dan kemanusiaan. Tema-tema yang dikenal pasti dianalisis secara interpretasi untuk memadankan nilai-nilai Maqasid Syariah dengan prinsip-prinsip keamanan global.

3. DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Untuk memahami definisi dan konsep keamanan global, kajian ini merujuk kepada ciri-ciri yang berkait rapat dengan konteks keamanan bersifat global berdasarkan beberapa pandangan yang dinyatakan dalam kajian lepas iaitu: pertama, keamanan global difahami sebagai kesatuan manusia dan interaksi dalam hubungan manusia sejagat (Zahra Rakshani 2017). Kedua, keamanan global dikaitkan dengan usaha membina satu masyarakat global yang hidup secara positif dan berasaskan keamanan, masyarakat yang harmoni merentasi sempadan negara (Fahri Karakas 2006). Ketiga, keamanan global menyentuh tanggungjawab dan komitmen bersama memelihara nilai-nilai kemanusiaan sejagat (Schellhammer 2016). Keempat, keamanan global berhubung dengan menegakkan prinsip kewujudan bersama (*co-existence*) dalam dunia yang mempunyai pelbagai latar belakang agama, bangsa dan budaya (Ahsan Khan 2011). Melalui ciri-ciri seperti di atas, maksud keamanan global disimpulkan sebagai keupayaan untuk hidup bersama dalam dunia globalisasi yang merentasi sempadan agama, bangsa, tamadun dan budaya.

Manakala hubungkait konsep keamanan global dengan prinsip maqasid syariah dihuraikan dalam perkara-perkara berikut:

3.1 Keamanan Sebagai Kebaikan Sejagat dalam Kerangka Maqasid Syariah

Keamanan (*al-amn*) dalam Islam tidak hanya bermaksud ketiadaan peperangan, tetapi merupakan satu bentuk kemaslahatan sejagat (*maslahah 'ammah*) yang menjadi asas kepada pembangunan insan dan masyarakat. Prinsip utama Maqasid seperti pemeliharaan nyawa (*hifz al-nafs*), harta (*hifz al-mal*),

akal (*hifz al-‘aql*) dan maruah (*hifz al-nasl*) saling melengkapi dalam menjamin kestabilan, keadilan dan keselamatan sosial.

Sebagai contoh, pemeliharaan nyawa bukan sahaja menuntut perlindungan fizikal, malah merangkumi hak kepada kesihatan, keselamatan dan perlindungan daripada penindasan – selari dengan Matlamat SDG 3 (*Good Health and Well-being*) dan SDG 16 (*Peace, Justice and Strong Institutions*). Ini membuktikan bahawa prinsip maqasid mempunyai nilai universal yang boleh dimanfaatkan oleh sistem antarabangsa dalam membina dasar-dasar keamanan berteraskan kemanusiaan.

Selain itu, pemeliharaan harta (*hifz al-mal*) juga secara tidak langsung menyumbang kepada kestabilan masyarakat kerana kemiskinan sering menjadi faktor pencetus konflik (Galtung, 1996). Justeru, pendekatan maqasid yang menekankan keseimbangan antara kepentingan individu dan komuniti amat relevan dalam menangani punca-punca ketidakseimbangan sosial yang membawa kepada krisis keamanan.

3.2 Kesepadanan Nilai Maqasid Syariah dengan Prinsip Keamanan Global

Dapatan kedua memperlihatkan bahawa terdapat titik temu antara nilai-nilai Maqasid Syariah dengan prinsip asas dalam Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs). Nilai seperti keadilan sosial, toleransi, dan keseimbangan antara hak individu dan kepentingan awam merupakan asas bersama yang dikongsi oleh kedua-dua kerangka.

Analisis menunjukkan bahawa pendekatan maqasid yang bersifat sistemik dan fleksibel (Auda, 2021) memberi ruang kepada penyesuaian nilai-nilai syariah dalam konteks global, khususnya dalam menangani isu-isu seperti ketidaksamarataan, pelarian, konflik antara budaya dan pelanggaran hak asasi. Oleh itu, maqasid dapat menjadi asas nilai yang mengisi kelompongan etika dalam pendekatan sekular kepada keamanan.

Kajian oleh Yusoff et al. (2020) turut menegaskan bahawa Maqasid boleh menjadi asas etika untuk membina dasar awam yang adil, telus dan lestari. Dengan memasukkan nilai-nilai syariah ke dalam perancangan strategik negara dan organisasi antarabangsa, aspek spiritual dan moral dapat diseimbangkan dengan keperluan fizikal dan material manusia.

Tambahan lagi, pendekatan Maqasid yang bersifat dinamik dan sistemik seperti yang dikemukakan oleh Auda (2021), membolehkan kerangka ini digunakan untuk menangani isu-isu semasa yang kompleks seperti krisis iklim, pelarian, dan diskriminasi sistemik yang mengancam keamanan dunia secara menyeluruh.

3.3 Peranan Gerakan Islam Sebagai Pemangkin Keamanan Global dan Maqasid Syariah

Pada bahagian ini mengetengahkan usaha Fethullah Gulen dan beberapa gerakan Islam kontemporari telah mengoperasikan nilai-nilai maqasid dalam bentuk praktikal melalui pendidikan, dialog antara agama, bantuan kemanusiaan dan pembangunan komuniti. Analisis terhadap wacana Gulen mendapati bahawa pendekatannya terhadap keamanan spiritual, tanggungjawab sosial dan kerjasama merentas agama seiring dengan maqasid seperti *jalb al-masalih* (membawa kebaikan) dan *dar’ al-mafasid* (menolak kerosakan).

Begitu juga dengan gerakan Nahdlatul Ulama dan Muhammadiyah yang memperjuangkan pendidikan inklusif, pemeraksanaan sosial dan keadilan dalam masyarakat majmuk, jelas

memperlihatkan pelaksanaan maqasid dalam konteks amali dan kontemporari. Kajian ini menegaskan bahawa pendekatan gerakan ini adalah manifestasi praktikal maqasid dalam usaha membina keamanan global, yang bukan sahaja bersifat teoritikal tetapi juga berasaskan tindakan.

Islamic Relief Worldwide pula menjadi contoh terbaik bagaimana maqasid boleh dijemakan dalam konteks bantuan kemanusiaan. Melalui prinsip amanah, keadilan dan belas kasihan, organisasi ini membuktikan bahawa nilai-nilai Islam mampu memberi impak besar dalam krisis kemanusiaan antarabangsa daripada bencana alam ke konflik pelarian.

Secara keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan bahawa Maqasid Syariah memiliki potensi bukan sahaja sebagai kerangka nilai Islam, tetapi juga sebagai asas normatif untuk keamanan global yang berpaksikan keadilan, kehormatan insan dan kesejahteraan bersama.

4. KESIMPULAN

Kajian ini telah mengenal pasti bahawa prinsip Maqasid Syariah menawarkan asas normatif yang kukuh dan bersifat universal dalam membentuk kerangka keamanan global yang adil, menyeluruh dan lestari. Melalui pendekatan analisis kandungan terhadap sumber Islam dan wacana kontemporari, tiga dapatan utama diketengahkan: (i) pemahaman konsep keamanan sebagai *maslahah 'ammah* dalam Maqasid Syariah, (ii) kesepadanan nilai antara prinsip Maqasid dan Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs), serta (iii) pelaksanaan praktikal nilai Maqasid melalui gerakan Islam kontemporari seperti Hizmet, Nahdlatul Ulama, Muhammadiyah dan Islamic Relief.

Dapatan ini membuktikan bahawa Maqasid Syariah tidak bersifat eksklusif untuk umat Islam semata-mata, tetapi berpotensi untuk diangkat sebagai kerangka nilai sejagat yang boleh menyumbang secara signifikan kepada penyelesaian konflik, pembangunan damai dan dasar kemanusiaan sejagat. Nilai-nilai seperti keadilan, rahmah, amanah, maslahat dan toleransi dalam Maqasid mampu melengkapi pendekatan sekular yang sering diketengahkan dalam wacana keamanan antarabangsa.

Sehubungan itu, kajian ini mencadangkan agar prinsip Maqasid Syariah dijadikan rujukan dalam:

1. Pembinaan dasar awam yang lebih berteraskan nilai, khususnya dalam konteks hubungan antarabangsa dan dasar luar negara.
2. Pendidikan perdamaian (peace education) yang menyepadukan nilai spiritual, etika dan kemanusiaan dalam kurikulum.
3. Jaringan kerjasama antara agama dan budaya dengan mengangkat maqasid sebagai titik temu bersama nilai-nilai kemanusiaan sejagat.

Institusi antarabangsa seperti OIC, UNDP dan badan hak asasi untuk mempertimbangkan pendekatan maqasid sebagai komponen dalam dasar keamanan dan pembangunan global. Akhir sekali, kajian ini membuka ruang untuk penyelidikan lanjut secara mendalam antara kerangka maqasid dengan pendekatan keamanan lain seperti *liberal peace* atau *restorative justice*. Ini penting dalam merangka naratif keamanan baharu yang lebih bersifat dialogik, inklusif dan berakar kepada nilai ketuhanan serta kemanusiaan.

5. RUJUKAN

1. Journal Article:

- Hussain, Nazri. 2016. The 'Islamic State' and its Implications for the World Peace. *Journal of Political Studies*. 3 (1): 1-16.
- Ibrahim, Zaki. 2013. A Sociopolitical Analysis of The Verses of Peace: Qur'an8:61-62. *International Journal on World Peace*. 30 (1): 89-113.
- Wood, Houston. 2014. The Global Peace Network. *A Journal of Social Justice*. 26: 258-264.
- Ramirez, J. Martin. 2007. Peace Through Dialogue. *International Journal on World Peace*. 24 (1): 65-81.

2. Book:

- Ahmad Sunawari Long. 2016. *Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahsan Khan, Maimun. 2011. *The Vision and Impact of Fethullah Gulen a New Paradigm for Social Activism*. New York: Blue Dome Press.
- Auda, J. (2008). *Maqasid Al-Shariah as Philosophy of Islamic Law: A Systems Approach*. London ; Washington [D.C.] : International Institute of Islamic Thought.
- Auda, J. (2021). *Re-envisioning Maqasid Al-Shariah for Contemporary Challenges: A Systems Thinking Approach*. Maqasid Institute.
- Auda, J. (2021). *Re-envisioning Maqasid Al-Shariah for Contemporary Challenges: A Systems Thinking Approach*. Maqasid Institute.
- Galtung, Johan. 1967. *Theories of Peace A Synthetic Approach to Peace Thinking*. Oslo: International Peace Research Institute.
- Galtung, J. (1996). *Peace by Peaceful Means: Peace and Conflict, Development and Civilization*. London: SAGE Publication.
- Gulen, M. Fethullah. 2004. *Towards a Global Civilization of Love and Tolerance*. New Jersey: The Light, Inc.
- Kamali, M. H. (2010). *Maqasid al-Shari'ah Made Simple*. London ; Washington [D.C.] : International Institute of Islamic Thought.
- Al-Siba'i, Mustafa. 2005. *Civilization of Solidarity, Tolerance and Equality in a Nation Built on Shariah*. Terj. Nasiruddin al-Khattab. Riyadh: International Islamic Public House.

3. Book Chapter:

- Haskins, Cathleen. 2011. Educating for Peace Nurturing The Spirit of the Child Through Transformative Philosophy, Structure, and Curriculum in the Early Childhood Classroom. Dlm. Shaker, Erica (pnyt.). *Our School Our Selves*, hlm. 67-82. Ottawa: Canadians Centre for Policy Alternatives.

4. Website:

- Islamic Relief Worldwide. (2021). *Annual Report 2021*. <https://www.islamic-relief.org/publications/>